

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1987/88

IMK 310/3 - Mikrobiologi Makanan

Tarikh: 29 Oktober 1987 Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab mana-mana 5(Lima) soalan dari lapan soalan yang
diberi. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa
Malaysia.

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi lapan soalan
dan 3 mukasurat bercetak.

...2/-

1. Bandingkan jenis-jenis mikroorganisma yang mungkin terlibat dalam kerosakan makanan yang didinginkan dengan mikroorganisma yang terlibat dalam kerosakan makanan yang dikalengkan.
2. Apakah bakteria halofilik dan fungi xerofilik? Beri contoh jenis-jenis mikroorganisma di dalam setiap kumpulan dan bincangkan bagaimana tumbesaran mikroorganisma tersebut dipengaruhi oleh keaktifan air. Apakah hasil makanan yang mungkin dirosakkan oleh mikroorganisma tersebut?
3. Tuliskan catatan-catatan ringkas mengenai tiap-tiap bahagian soalan yang berikut:
 - (a) Komposisi kimia dinding sel bakteria
 - (b) Fasa lag dan fasa pegun dalam tumbesaran mikrobial.
4. Tuliskan sebuah karangan mengenai peranan Saccharomyces dalam penghasilan makanan terfermen dan kerosakan makanan.
5. Jawab kedua-dua bahagian soalan ini.
 - (a) Apakah enterococci? Apakah signifikans sekiranya enterococci dijumpai di dalam air?
 - (b) Apakah yang anda faham tentang konsep 12D?
6. Bincangkan jangkitan makanan yang diakibatkan oleh Campylobacter jejuni, Yersinia enterocolitica dan Vibrio parahaemolyticus.

...3/-

7. Bincangkan pengaruh pH terhadap pembiakan mikroorganisma di dalam sesuatu makanan. Banding dan bezakan kerosakan mikrobial makanan terkaleng berasid rendah dan berasid tinggi.

8. Kaedah-kaedah pengawetan makanan berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu. Bincangkan prinsip-prinsip yang berkenaan.

oooooooooooo00000oooooooooooo